

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN (BAKRI)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN (BAKRI) minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan skim tenaga solar yang digunakan di Taman Pusat Data Hijau YTL di Iskandar - Self-Consumption (SELCO), Net Energy Metering (NEM), ataupun skim khas yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Taman Pusat Data Hijau YTL di Iskandar merupakan suatu inisiatif swasta yang diterajui oleh YTL Data Centre Holdings. Sehingga kini, Suruhanjaya Tenaga selaku agensi kawal selia perbekalan elektrik masih belum menerima apa-apa permohonan daripada pihak syarikat berkenaan untuk membangunkan dan memasang sebarang pemasangan sistem bekalan elektrik daripada sumber Tenaga Boleh Baharu sebagaimana yang telah diumumkan.

Sekian, terima kasih.